



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60
No. 6

15hb Mac 2007

*TAMBAHAN No. 4
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 6.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SESKYEN 47

Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

HUKUM RAKAMAN NASYID BERBENTUK DOA

- (1) Nyanyian dan seni kata yang memuji Allah dan Rasul atau keindahan makhluk Allah atau kepada tanggungjawab atau mengenai sifat bertaqwa kepada Allah S.W.T. adalah

diharuskan;

- (2) Jika nyanyian secara berkumpulan di antara lelaki dan perempuan sama ada semasa persembahan atau latihan adalah **diharuskan** sekiranya tidak bercampur gaul di antara lelaki dan perempuan;
- (3) Penyanyi **tidak boleh** mempersembahkan nyanyian dengan gaya yang memberahikan dan boleh menimbulkan fitnah;
- (4) Penyanyi hendaklah memakai pakaian yang menutup aurat;
- (5) Tidak memuji makhluk Allah secara berlebihan (bermaksud tidak terkeluar daripada syara'); dan
- (6) Sekiranya terdapat ayat Al-Quran yang digunakan sebagai nasyid hendaklah dibaca mengikut hukum tajwid.

Bertarikh 5 Februari 2007

Dated 5 February 2007

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. Agm. 0007 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/ *By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*